U B727 D E B
PARLIMEN - ANG

KUALA LUMPUR, 31 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SENDIRI TELAH MENGARAHKAN SUPAYA TINDAKAN SEWAJARNYA DIAMBIL SETELAH TERSIAR LAPORAN MENGENAI +LAYANAN ISTIMEWA+ YANG DIKATAKAN DINIKHATI OLEH ABDULLAH ANG SEMASA DIA DALAM PENJARA.

PERSIDANGAN DEUAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI BAHAUA PERDANA MENTERI TIDAK ADA KENA-MENGENA DENGAN +LAYANAN ISTIMEWA+ YANG DIKATAKAN ITU, TEGAS TIMBALAN MENTERI DALAH NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB.

SEMASA HENJAUAB SOALAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJUNG) SEMASA SOAL JAWAB, DATUK MEGAT JUNID BERKATA HUBUNGAN BAIK YANG PERNAH TERJALIN DAHULU ANTARA PERDANA MENTERI DENGAN ABDULLAH ANG, YANG KINI SUDAH'DIBEBASKAN, TIDAK HARUS DISALAHERTIKAN SEMATA-MATA KERANA ABDULLAH DIKATAKAN DIBERI +LAYANAN ISTIMEWA+ SEMASA DI PENJARA.

KETUA PEMBANGKANG ITU DALAM SOALAN TAMBAHANNYA, HAHUKAN PENJELASAN SAMA ADA LAYANAN ISTIMEWA TERHADAP ABDULLAH ANG, ADA KAITANNYA DENGAN KEDUDUKAN BELIAU SEBAGAI KAUAN BAIK PERDANA MENTERI. BELIAU JUGA BERTANYAKAN SAMA ADA AMALAN PILIH KASIH ITU BERLELUASA TERUTAMA YANG HEHBABITKAN AHLI POLITIK KERAJAAN SEPERTI TAN KOON SWAN DAN WANG CHOON WING.

PADA SATU KETIKA ABDULLAH ANG SERING MENGIRINGI PERDANA MENTERI UNTUK URUSAN RASMI KETIKA DIA ABDULLAH HENJADI PENGARAH URUSAN MOIC, +SOGOSHOSHA+ PERTAMA NEGARA YANG DIUUJUDKAN UNTUK MEMPROMOSIKAN KELUARAN TEHPATAN DI LUAR NEGERI. PERBADANAN ITU TELAH DIBUBARKAN.

-- LAGI.

1835MST 31 10 89

U B728 D E B
PARLIMEN - ANG 2 KUALA LUHPUR

DATUK HEGAT JUNID MENEGASKAN BAHAUA KERAJAAN AKAN MENYIASAT SEBARANG PENYELEWENGAN, BUKAN SAHAJA YANG MEMBABITKAN ABDULLAH, DAN TINDAKAN TEGAS SEUAJARNYA AKAN DIAMBIL JIKA ADA BUKTI.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK ZUBIR EHBONG (BN-KUALA TERENGGANU), BELIAU BERKATA ABDULLAH ANG BUKANLAH MERUPAKAN SATU-SATUNYA SAHABAT BAIK PERDANA HENTERI MALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN PEMBANGKANG JUGA BOLEH RAPAT DENGAN BELIAU (PERDANA MENTERI).

PADA KETIKA INI, ENCIK LIM MEMINTA PENJELASAN SAMA ADA SESIAPA JUA TERMASUK BELIAU BOLEH MENGHUBUNGI DATUK SERI DR HAHATHIR MENERUSI TELEFON TALIAN TERUS SEPERTI KONONNYA YANG DIBUAT OLEH ABDULLAH.

DATUK MEGAT JUNID MENJAWAB, ENCIK LIM TIDAK BOLEH MENDAKWA 'KONONNYA PERDANA HENTERI TIDAK BOLEH DIHUBUNGI OLEH BELIAU DENGAN CARA YANG SAMA JIKA BELIAU SENDIRI TIDAK PERNAH MENCUBA BERBUAT DEMIKIAN.

MENURUTNYA, TINDAKAN BELUM LAGI DIKENAKAN TERHADAP PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA YANG DIPERCAYAI TERBABIT DALAM KES ITU DEMI MENJAGA SIASATAN YANG DIJACANKAN. -- LAGI.

1837MST 31 10 89

U 8729 DEB
PARLIHEN - ANG 3 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, JIKA MEREKA TERBUKTI BERBALAH PEGAUAI-PEGAUAI BERKENAAN AKAN DIKENAKAN HUKUMAN BERDASARKAN PERUNTUKAN PERINTAH AM BAB D SERTA TINDAKAN DISIPLIN DI BAUAH PERATURAN TATATERTIB JABATAN BERKENAAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ASAL HAJI IBRAHIM ALI (SEMANGAT 46 - PASIR MAS), DATUK MEGAT JUNID BERKATA KERAJAAN TIDAK BERCADANC MENGUMUMKAN HASIL SIASATAN KEPADA ORANG RAMAI KERANA IA MERUPAKAN SIASATAN DALAMAN KE ATAS SALAH LAKU KAKITANGAN KERAJAAN.

BELIAU MEMBERI JAHINAN BAHAUA LANGKAH-LANGKAH TERTENTU AKAN DIAMBIL BAG1 MEMASTIKAN PERKARA YANG SAHA TIDAK BERULANG. -- BERNAMA.

1838MST 31 10 89